ISSN : 2180-4141

BIL 4 - DIS 2011

mycais@unimas

Buletin Pusat Khidmat Maklumat Akademik

INOVASI KEPUSTAKAWANAN

KEARAH KECEMERLANGAN KESARJANAAN

Memacu Kecemerlangan Ilmu

www.cais.unimas.my

Penaung
Prof. Datuk Dr. Khairuddin Ab Hamid

Penasihat
Margaret Simeng

Ketua Editor
Korina Ibrahim

Editor
Tn. Hj. Valentino Abu Bakar
Wan Abdul Rahman Wan Bujang

Sidang Pengarang
Korina Ibrahim
Mohd Khairol Hafiz Sanawi
Margaret Simeng
Norazlina Abdul Rahman
Siti Raffidah Tekat
Valentino Abu Bakar
Wan Abdul Rahman Wan Bujang
Zaiden Sanyut
Zaidon Safiee
Zainun Mat Nor

Jurufoto
Abd Rahman Mohd Hussain

Edaran
Azura Sakawi
Emildawati Abd Hamid
Shafinaz Mohd Dahan
Siti Norfazidah Man

Maklumat Lanjut :
Pusat Khidmat Maklumat Akademik
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak
No. Tel.: 082-583927
email: mdshafinaz@cais.unimas.my
No. Faks: 082-665156

Seulas Kata
KETUA PUSTAKAWAN

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia & Salam 1UNIMAS!

Tahun 2011 telah berakhir dengan begitu cepat & bagi PKMA ianya merupakan tahun yang mencabar tetapi pada masa yang sama sungguh bermakna sebab pada bulan Julai kita telah berjaya memperolehi sijil ISO 9001:2008. Dengan kejayaan tersebut warga Pusat telah dapat sama-sama membuktikan bahawa kita boleh menyahut apa jua cabaran yang diberi asalkan kita boleh bersatu hati dan memberi komitmen sepenuhnya terhadap apa yang kita laksanakan. Syabas Warga PKMA dan terima kasih!

Dari aspek sistem penyampaian perkhidmatan, kita juga perlu meningkatkan kemudahan bagi menampung pertambahan pengguna ekoran dari perpindahan Fakulti Ekonomi & Perniagaan serta Fakulti Sains Sosial dari Kampus Timur. Pusat sekali lagi diuji dengan pertambahan bilangan pelajar yang terbesar dalam sejarah Unimas,ia itu seramai lebih kurang 3400 orang yang telah mendaftar dalam bulan September bagi sesi 2011/2012. Ruang membaca, bilangan kerusi dan meja serta semua perkhidmatan perlu ditingkatkan. Dengan begitu ramai pelajar baru yang datang serta keterujaan mereka terhadap bahan-bahan yang ada, maka warga Pusat telah berhadapan dengan cabaran untuk memastikan bahan-bahan sentiasa tersusun di atas rak.

Di dalam usaha kita untuk melibatkan pengguna terutama dari golongan pelajar untuk lebih dekat dengan PKMA serta menjadi PKMA sebagai Pusat Ilmu/ Pembelajaran, kita telah menjalin kerjasama pintar dengan pihak MPP serta Kolej Kenanga menerusi Program Sehari Bersama PKMA di mana pelajar-pelajar berkaitan telah meluang masa sehari untuk bersama-sama menghayati tugas-tugas Pembantu Perpustakaan di dalam memastikan bahan-bahan tersusun dengan betul di atas rak. Program ini telah berjaya menyemai kesedaran di kalangan pelajar-pelajar yang terlibat tentang kerumitan warga PKMA untuk memastikan bahan-bahan tersusun di rak yang betul serta memerlukan kerja sama pengguna supaya meletak bahan-bahan yang telah digunakan di atas troli-troli yang disediakan. Program ini akan diteruskan di masa-masa akan datang yang akan melibatkan kolej-kolej lain serta juga perancangan untuk menubuhkan Kelab *"Friends of the Library"*.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti yang sentiasa memberi sokongan kepada Pusat di dalam melaksanakan sebarang aktiviti.

Selamat Menyambut Tahun Baru 2012.

ISI KANDUNGAN

4 • Pengurusan Nilai Di Perpustakaan

6 • Seminar Kepustakawanan 2011

10 • Perkongsian Ilmu Satu Budaya di Organisasi

12 • Arkib UNIMAS Sebagai Rujukan Sejarah

14 • *Integrated Learning Facilities*

15 • *Access Medicine*

16 • Perbincangan Kumpulan Fokus 2011

17 • Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UNIMAS 2010

18 • Aktiviti Sukarelawan Pelajar UNIMAS di PKMA

20 • Sekitar Pameran Sempena Konvokesyen 2011 UNIMAS

21 • Santai Ilmu Tayangan Filem/ Dokumentari

22 • Aktiviti-Aktiviti

22 • Program / Aktiviti Yang Dirancang

22 • Lawatan

23 • PKMA Juara Lagi

24 • Kenali Staf PKMA

Dari Pena
KETUA EDITOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Sedar atau tidak tahun 2011 mengucapkan selamat tinggal sementara fajar 2012 menanti dengan penuh sabar. Begitulah cepatnya masa berlalu dan bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya mycais@unimas bagi tahun yang kedua, bilangan yang keempat ini dapat diterbitkan lagi untuk tatapan semua.

Buletin kali ini memfokuskan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku sepanjang bulan Julai hingga Disember 2011. Antaranya ialah projek perolehan mesin baru/ menaiktaraf mesin yang sedia ada untuk mewujudkan *Material Flow Management System (ISO Compliant)* yang telah berakhir dengan jayanya pada 30 November 2011. Fasa implementasi bagi projek Repositori Institusi UNIMAS (UNIMAS IR) juga telah selesai pada penghujung tahun 2011 dan ini telah membuka satu lagi peluang kepada PKMA untuk melibatkan diri secara langsung dalam inisiatif Universiti iaitu menjamin khazanah Universiti terurus, terpelihara serta meningkatkan pengaksesan dan perkongsian maklumat. Seminar Kepustakawanan 2011: Inovasi Kepustakawanan Ke Arah Kecemerlangan Kesarjanaan, yang julung kali diadakan, telah menutup tirai aktiviti PKMA bagi tahun 2011.

Akhir sekali adalah menjadi harapan agar penerbitan mycais@unimas akan terus menjadi rangsangan dan medan pencetus idea kepada pustakawan dan mereka yang terlibat dengan PKMA secara langsung atau tidak langsung untuk menulis atau memberi sumbangan kepada sebuah penerbitan yang lebih baik dan bermutu.

Terima kasih daun keladi untuk Sidang pengarang kerana telah bertungkus lumus untuk penerbitan kali ini, dan pihak Pengurusan PKMA kerana terus memberi sokongan.

Semoga semua bahan yang dipaparkan akan mendatangkan manfaat kepada semua pembaca.

Selamat membaca, Wasallam

Oleh • Margaret Simeng

PENGURUSAN NILAI DI PERPUSTAKAAN

Pengurusan nilai merupakan subjek perbincangan para pustakawan masa kini, samada di perpustakaan akademik, khusus mahupun awam. Ini selaras dengan matlamat pengurusan perpustakaan untuk melihat kepada nilai-nilai yang diperolehi daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka sediakan bagi menyokong matlamat institusi/organisasi. Pengurusan organisasi sekarang menitikberatkan pulangan pelaburan *(Returns on Investment)* bagi memastikan kecemerlangan organisasi. Di dalam persekitaran yang begitu mencabar masakini dan ditambah pula dengan peningkatan kos bahan-bahan penerbitan samada bercetak mahupun elektronik adalah penting bagi pengurusan perpustakaan membuktikan kepentingan perpustakaan mereka kepada organisasi. Dengan adanya maklumat tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan dalam nilai wang ringgit, pengurusan perpustakaan sudah pasti akan dapat menunjukkan nilai-nilai perpustakaan mereka kepada para pemegang taruh yang mahu melihat kepada kepentingan perpustakaan di dalam menyokong institusi/organisasi mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan.

Mengikut Megan Oakleaf (2010) dalam ***Value of Academic Libraries: A Comprehensive Research Review and Report*** yang disediakan bagi the *Association of College and Research Libraries*, perpustakaan akademik juga boleh menunjukkan atau membuktikan nilai perpustakaan mereka. Perpustakaan tidak lagi hanya bergantung kepada kepercayaan pemegang taruh atau para *stakeholders* pada kepentingan mereka tetapi mesti menunjukkan nilai perpustakaan mereka. Perpustakaan tidak wujud dalam vakum dan bertanggungjawab hanya kepada diri sendiri tetapi kepada institusi/organisasi induk. Sebagaimana pemegang taruh menghendaki institusi/organisasi membuktikan nilai produktiviti mereka, sebagai contoh harapan ibu-bapa dan pelajar terhadap universiti, iaitu nilai graduan yang dikeluarkan dari segi pengalaman, kemajuan kerjaya dan potensi pendapatan pelajar, harapan majikan dan harapan para akademik. Para pemegang taruh mahu institusi menunjukkan bukti bagaimana semua matlamat yang disebut di atas dicapai. Perkara yang sama juga berlaku dengan perpustakaan di mana mereka juga perlu menunjukkan bukti nilai-nilai perpustakaan mereka.

Pengurusan perpustakaan perlu menetap serta mengaitkan *library outcomes* dengan *institutional outcomes* dalam perkara-perkara seperti kemasukan pelajar, kadar retention dan graduation pelajar, kejayaan pelajar, pencapaian pelajar, *engagement* pelajar, pembelajaran pelajar, produktiviti penyelidikan, pengajaran, perkhidmatan serta kualiti institusi.

Perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan memang sukar diberi nilai samada dari segi kuantitatif mahupun kualitatif. Sesuatu maklumat tersebut mungkin dianggap sangat penting tetapi bagaimanakah kita hendak menilai dalam wang ringgit kepentingan maklumat tersebut. Roslyn Donald dalam ***Valuing Library Services***, menyatakan perkhidmatan perpustakaan memang sukar diukur kerana faedah yang diperolehi biasanya *intangible*. Walau apapun terdapat kaedah untuk mengukur perkhidmatan dengan meletak nilai ringgit pada faedah-faedah perkhidmatan. Kaedah yang digunakan bagi menilai perkhidmatan pelanggan dan kualiti perkhidmatan yang boleh digunapakai untuk perkhidmatan perpustakaan termasuk:

- *Measuring money saved* atau *productivity gains in using librarians*
- Analisis keberkesanan kos
- Pengurusan kualiti menyeluruh

Pengurusan nilai di perpustakaan penting bagi pengurusan perpustakaan membuktikan kepentingan perpustakaan di dalam membantu institusi/organisasi mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan. Perpustakaan perlu peka kepada perkembangan serta perubahan yang berlaku dan sentiasa memastikan perpustakaan sentiasa relevan, berkualiti dan dirujuk serta terus cemerlang di dalam memenuhi ekspektasi para pemegang taruh.

Association of College and Research Libraries (2010). Value of Academic Libraries: A Comprehensive Research Review and Report. Researched by Megan Oakleaf. Chicago: Association of College and Research Libraries.

Donald, Roslyn (n.d.). *Valuing Library Services*

SEMINAR KEPUSTAKAWANAN 2011

Oleh • Zainun Mat Nor

Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) telah berjaya mengadakan Seminar Kepustakawanan 2011 yang bertemakan "Inovasi Kepustakawanan Ke Arah Kecemerlangan Kesarjanaan" pada 14 dan 15 November 2011 bertempat di Auditorium. Seramai 84 orang peserta termasuk pembentang kertas kerja telah menghadiri seminar ini. Pembentang kertas kerja terdiri daripada ketua-ketua pustakawan, pustakawan dan pensyarah. Kertas kerja yang dibentangkan untuk Sesi Pertama adalah **Tadbir Urus** iaitu Kepimpinan Pustakawan Universiti Dalam Perkhidmatan Awam, Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi. Sesi Kedua adalah **Penyelidikan, ICT Dan Inovasi Aplikasi ICT** iaitu u-Pustaka : Inovasi Perpustakaan Masyarakat Berilmu Pengetahuan, Inovasi, Kreativiti Dan Perpustakaan: Peluang Dan Cabaran. Sesi Ketiga adalah **Pengurusan Ilmu, Maklumat Dan Rekod** iaitu Pertambahan Koleksi Dan Pengurusan Ruang Secara Berkesan; Pengalaman Perpustakaan UKM, Khazanah Warisan Tempatan Di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia: Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara, *Preservation Of The National Treasures, Implementation Of The Institutional Repository System In IIUM : Issues And Challenges*. Sesi Keempat adalah **Perkhidmatan Perpustakaan** iaitu Budaya Ilmu, Perkhidmatan Perpustakaan Dan Cabaran Perpustakaan Di Era IT, *Business Improvement Process In The Library Transformation Agenda : The Experience Of Information Resource Centre (IRC)*. Universiti Teknologi PETRONAS.

RINGKASAN PEMBENTANGAN

Ringkasan Pembentangan 1: Kepimpinan Pustakawan Universiti Dalam Perkhidmatan Awam - Kamariah Nor Mohd. Desa, Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia

- Kertas kerja ini membincangkan mengenai kualiti kepimpinan Pustakawan Universiti Awam di Malaysia dalam menghadapi cabaran dalam perkhidmatan. Isu yang diketengahkan adalah mengenai Surat Edaran: JPA. BK(S)223/9/3(16) yang akan melihat gaya kepimpinan yang sesuai untuk dilaksanakan. Pustakawan adalah pemimpin di setiap peringkat. Peranan mengawal dan memantau perlu ditukar gaya kepimpinan daripada arah dan kawal kepada gaya kepimpinan Servant Leadership. Kajian perlu dibuat samada gaya *Servant Leadership* terdapat pada kualiti kepimpinan Pustakawan. Kajian

keberkesanan pelaksanaan Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam dan Tonggak Dua Belas juga disaran untuk dilaksanakan.

Ringkasan Pembentangan 2: Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi - Margaret Simeng, Ketua Pustakawan UNIMAS

- Kertas Kerja ini membincang maksud tadbir urus dan elemen-elemen yang berkaitan. Selain itu kertas kerja ini juga turut melihat kepada inisiatif-inisiatif yang diambil bagi memastikan tadbir urus yang berkualiti untuk menjamin kecemerlangan sesebuah perpustakaan. Inisiatif-inisiatif kualiti sesebuah perpustakaan dilandaskan kepada keperluan pelan-pelan strategi perpustakaan tersebut yang diolah selaras dengan pelan-pelan strategi organisasi. Keberkesanan inisiatif-inisiatif kualiti tersebut akan membawa kepada kemantapan tadbir urus yang secara langsung menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan bagi memastikan perpustakaan tetap relevan, berkualiti, dirujuk dan sentiasa memenuhi atau melebihi ekspektasi pelanggan. Keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan bergantung kepada kreativiti dan inovasi pintar para pustakawan atau pengurus maklumat.

Ringkasan Pembentangan 3: u-Pustaka : Inovasi Perpustakaan Masyarakat Berilmu Pengetahuan - Nafisah Ahmad, Pengarah Perkhidmatan PERDANA Perpustakaan Negara Malaysia

- Ketersediaan ilmu pengetahuan adalah penting dalam pembangunan negara. Perpustakaan sebagai salah satu daripada institusi utama yang menyedia capaian kepada sumber ilmu pengetahuan mempunyai peranan penting untuk memastikan penyampaian perkhidmatan tanpa sempadan masa dan lokasi kepada semua lapisan masyarakat bagi meningkatkan kualiti kerja dan kualiti hidup secara berterusan. Kertas ini membincangkan mengenai perkhidmatan u-Pustaka, iaitu satu inovasi dalam perkhidmatan perpustakaan di Malaysia yang memanifestasikan kolaborasi pintar antara pihak kerajaan dan swasta dalam usaha merapatkan jurang digital dan jurang ilmu pengetahuan antara rakyat di bandar dan luar bandar melalui pertukaran maklumat dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berilmu pengetahuan secara inklusif.

Ringkasan Pembentangan 4: Inovasi, Kreativiti Dan Perpustakaan : Peluang Dan Cabaran - Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bronny Lawrence Nawe, Pustakawan Pustaka Negeri Sarawak

- Kreativiti dan inovasi adalah dua konsep yang berbeza tetapi mempunyai tujuan sama. Dalam perpustakaan, inovasi adalah penting dan petugas perpustakaan telah lama terlibat dalamnya. Proses inovasi dalam organisasi akan gagal jika ada penghargaan dan pengiktirafan tidak diberikan kepada mereka yang terlibat; tidak diurus secara formal; kehendak pengguna tidak difahami; dan tidak ada kerjasama kumpulan. Petugas perpustakaan adalah pemudahcara proses inovasi perpustakaan dan agen pemangkin proses inovasi di peringkat tempatan, negara serta global. Kreativiti dan inovasi bukanlah bakat semula jadi, tetapi perlu dipupuk dengan memberi peluang kepada petugas perpustakaan untuk mencuba teknologi baru; sikap toleransi terhadap kegagalan awal; menjadikan proses inovasi sebagai satu daripada tugas utama petugas perpustakaan; dan penghargaan dan pengiktirafan bagi program inovasi yang berjaya.

Ringkasan Pembentangan 5: Pertambahan Koleksi Dan Pengurusan Ruang Secara Berkesan; Pengalaman Perpustakaan UKM - Rohaya Umar, Ketua Perpustakaan Dr. Abdul Latiff Universiti Kebangsaan Malaysia

- Kertas kerja ini membincangkan tentang status terkini berkaitan pertambahan koleksi dan strategi

pengurusan yang berkesan. Koleksi perpustakaan meningkat setiap tahun seiring dengan keperluan rujukan terkini dalam pendidikan dan penyelidikan di Universiti. Pertambahan koleksi akan meningkatkan penggunaan ruang. Ini menyebabkan ruang untuk pelanggan akan berkurangan. Sehubungan itu, ruang yang terdapat di perpustakaan harus diuruskan dengan berkesan agar sentiasa menepati keperluan semasa pelanggan. Kertas ini melihat status terkini berkaitan perkara ini di Perpustakaan IPTA Malaysia. Kertas ini juga secara khusus membentangkan pengalaman dan strategi yang digunakan oleh Perpustakaan UKM dalam menguruskan penggunaan ruang secara berkesan. Antara strategi yang digunakan di Perpustakaan UKM termasuklah pewujudan ruang baca 24 jam dan mewujudkan Koleksi Pilih Simpan.

Ringkasan Pembentangan 6: Khazanah Warisan Tempatan Di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia: Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara - Radia Banu Jan Mohamad, Penolong Pustakawan Kanan Universiti Sains Malaysia

- Kertas kerja ini mengupas tentang proses pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia. Sebagai sebuah pusat penyimpanan ilmu dan maklumat, Perpustakaan memainkan peranan penting dalam memastikan bahan-bahan yang mempunyai nilai tradisi dan kearifan tempatan terpelihara. Pembangunan koleksi merupakan nadi utama didalam sesebuah Perpustakaan, justeru, maksud dan kepentingannya akan turut diterangkan didalam kertas kerja ini. Pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara melibatkan aktiviti pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan dan penyebaran maklumat berkaitan dengan Kaum Peranakan di Asia Tenggara khususnya Kaum Cina Peranakan, Kaum Jawi Peranakan, Kaum India Peranakan (Kaum Chetti) dan Kaum Siam Peranakan (Kaum Melayu Sam-Sam). Inisiatif yang telah diambil bagi merealisasikan pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara ini akan dihuraikan dan dijelaskan dengan terperinci. Selain itu, cabaran dan halangan yang dihadapi sepanjang proses pembangunan koleksi ini akan turut diperjelaskan. Koleksi ini akan dapat memberi pendedahan khusus tentang kewujudan Kaum Peranakan, membantu menjejaki tradisi dan memelihara khazanah warisan bangsa agar tidak hilang ditelan zaman. Koleksi ini juga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk membantu proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan generasi akan datang. Pembangunan koleksi ini juga boleh dijadikan penandaaras bagi pembangunan koleksi khas perpustakaan-perpustakaan di Malaysia didalam memperkasakan khazanah warisan bangsa.

Ringkasan Pembentangan 7: Preservation Of The National Treasures - Sabariah Abdul Samad, Pensyarah Universiti Teknologi MARA

- Kertas kerja ini mengupas tentang kehidupan kita di dunia moden tetapi dunia hari ini adalah berdasarkan sejarah yang telah dibina beribu-ribu tahun yang lalu. Dokumen-dokumen seperti manuskrip, teks kesusasteraan, buku-buku yang terhad dan lain-lain yang menjadi bahan warisan intelektual. Pengetahuan mengenai kesusasteraan Melayu bergantung kepada koleksi manuskrip Melayu terutamanya dalam abad ke-19. Banyak koleksi manuskrip ini telah disalin semula dan diterjemahkan dan dikumpul oleh individu yang berminat dengan warisan kebangsaan. Dunia digital telah mengubah konsep pemeliharaan warisan traditional iaitu dengan melindungi fizikal bahan dengan menspesifikasikan corak pembuatan dan penyelenggaraan bahan. Konsep 'warisan budaya' merupakan satu dimensi sejarah. Budaya warisan melibatkan peninggalan yang telah diwarisi dari generasi sebelumnya dan yang dianggap berharga atau cukup bermakna akan diturunkan kepada generasi akan datang. Warisan budaya terdiri daripada memori budaya hidup sesuatu kaum. Di Malaysia, pengalaman dalam digitalisasi telah diperoleh melalui projek perintis dan eksperimen inovatif dalam bidang warisan budaya di seluruh dunia. Dengan perkembangan pesat teknologi maklumat, bahan-bahan warisan intelek kini boleh dipelihara secara elektronik. Walaubagaimanapun, kos aktiviti ini adalah mahal dan ianya akan melibatkan manfaat kerjasama. Ia boleh meningkatkan keupayaan produktiviti bekalan yang terhad untuk dana pemeliharaan digital, dengan membina sumber-sumber yang dikongsi bersama, mengelakkan bahan berlebihan dan mengeksploitasi skala ekonomi.

Ringkasan Pembentangan 8: *Implementation Of The Institutional Repository System In IIUM : Issues And Challenges* - Sarifah Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

- Kertas kerja ini adalah untuk berkongsi pengalaman Perpustakaan UIAM dalam pelaksanaan sistem institusi repositori iaitu IREP dengan menggunakan *Open Source System ePrints*. Kertas kerja ini juga membincangkan isu-isu yang terlibat dalam pelaksanaan institusi repositori termasuk pilihan perisian, penyesuaian sistem, pengumpulan, skop dan dasar-dasar, organisasi dan kakitangan dan proses repositari. Ia juga membincangkan bagaimana sistem ini digunakan untuk mengumpul data bagi latihan penyelidikan universiti. Repositori institusi dan *self-archiving* memudahkan universiti dalam pengumpulan dan penyusunan data untuk latihan penyelidikan universiti. Komitmen pengurusan atasan adalah sangat penting dan selain itu, ia membantu mengetengahkan kepentingan perpustakaan dalam sesebuah organisasi.

Ringkasan Pembentangan 9: Budaya Ilmu, Perkhidmatan Perpustakaan Dan Cabaran Perpustakaan Di Era IT - Faridah Hj. Md. Amin, Ketua Pustakawan
Universiti Teknikal Malaysia

- Kertas kerja ini membincangkan tentang pendekatan yang boleh diambil bagi menanggani cabaran-cabaran melalui transformasi perkhidmatan perpustakaan yang *holistic*, berstruktur dan strategik untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat dan meletakkan negara kita sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang akhirnya berupaya mengeluarkan modal insan bermentaliti kelas pertama. Maka mahu tidak mahu proses penggunaan sumber rujukan dan pencarian maklumat yang tepat sudah semestinya menyokong secara langsung kepada pemangkin dalam menjayakan ekonomi berasaskan kepada pengetahuan. Maka itu peranan dan sumbangan pustakawan dalam membantu pengguna sudah pastinya mendorong mereka khususnya dikalangan pelajar untuk memilih, menilai, menganalisa dan membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat yang sesuai supaya pelajar dapat bertindak sebagai pengguna maklumat yang efektif, kritikal dan beretika dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang mencintai ilmu pengetahuan seterusnya dapat menyuburkan budaya ilmu, amalan intelektual, kreatif dan inovatif dalam memajukan negara.

Ringkasan Pembentangan 10: *Business Improvement Process In The Library Transformation Agenda: The Experience Of Information Resource Centre (IRC). Universiti Teknologi PETRONAS.* - Sharifah Fahimah Binti Saiyed Yeop, Eksekutif Kanan
Universiti Teknologi PETRONAS

- Kertas kerja ini memberi tumpuan kepada metodologi yang harus digunakan dalam mewujudkan perubahan dalam tren perkhidmatan maklumat dan *Business Improvement Process (BIP)* dalam persekitaran rutin teknikal dan bukan teknikal. Kemahiran, pengalaman dan persekitaran teknologi terkini dalam pengurusan sumber (modal insan, ilmu dan persekitaran) adalah kunci untuk kejayaan perubahan dalam sesebuah organisasi. Cabaran untuk mengenal pasti aspirasi pengurusan, keperluan pengguna, dan masa depan perpustakaan "lihat dan rasa" adalah kandungan maklumat dalam pelan lima tahun menaik taraf pelan strategik. *BIP* adalah unsur penting untuk memastikan perubahan yang dilaksanakan dalam setiap peringkat pelan perancangan. Pusat Sumber Universiti Teknologi PETRONAS mendapati impak perubahan dalam proses perniagaan adalah dengan meletakkan keutamaan kepada pengguna.

PERKONGSIAN ILMU
SATU BUDAYA CEMERLANG DI ORGANISASI

Oleh • Haji Valentino @Muhammad

10

Konsep perkongsian ilmu ini telah lama wujud malah di dalam Islam telah ada sebuah hadith iaitu Rasulullah S.A.W telah bersabda *"Sampaikanlah dariku walaupun sepotong ayat"*. Bagaimana indahnya dalam Islam iaitu Rasulullah telah menekankan kepada umatnya supaya menyampaikan apa sahaja daripada Baginda yang diketahui kepada masyarakat dan mengajak ke arah kebaikan. Selain itu konsep cemerlang dalam Islam sebenarnya begitu senang iaitu bersandarkan bagaimana cemerlang itu boleh memberikan kebaikan dan faedah kepada orang lain melalui konsep perkongsian inilah yang harus difahami dan menjadikannya satu budaya hidup di dalam organisasi terutama bagi institusi yang berteraskan maklumat misalnya pusat maklumat atau perpustakaan.

Ini bukan sahaja melestarikan pembelajaran sepanjang hayat malah menyemarakkan lagi budaya perkongsian ilmu atau dalam istilah lain dikenali dengan perkongsian pintar, pengurusan ilmu atau lain-lain konsep moden yang akhirnya dapat meningkatkan kompetensi di kalangan staf. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, sering menganjurkan siri perkongsian ilmu dikalangan warganya misalnya sekiranya ada dikalangan staf yang telah mengikuti latihan dan kursus diluar atau telah membentangkan kertas kerja di persidangan atau seminar, Pusat telah mengambil inisiatif untuk mengadakan siri perkongsian ilmu dikalangan staf iaitu para peserta akan membentangkan di dalam slot yang telah disediakan. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran di kalangan staf tetapi dapat meningkatkan keyakinan diri serta pengucapan awam di kalangan staf.

Selain itu juga terdapat juga pelbagai bentuk perkongsian ilmu juga telah dilaksanakan Pusat misalnya melalui sesi perkongsian idea di dalam bengkel sumbangsaran Pusat, ceramah motivasi, perkongsian bidang tugas dengan Bahagian dan Unit yang lain juga turut dilaksanakan. Disamping itu juga perhimpunan pagi Pusat juga merupakan salah satu wadah perkongsian ilmu dan maklumat oleh Ketua Pustakawan kepada staf berkaitan isu semasa dan professional.

Konklusinya, Perkongsian ilmu bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dikalangan staf tetapi jika dijadikan budaya ianya dapat menambah nilai kompetensi staf di dalam sesebuah organisasi untuk memacu transformasi melalui usaha inovasi dan kreatif.

SIRI 1 : SESI PERKONGSIAN ILMU PEGAWAI PKMA YANG TELAH MENGHADIRI KURSUS
23 OGOS 2011 (SELASA) • BILIK MESYUARAT PKMA

MASA	TAJUK	DISAMPAIKAN OLEH
8.45pg - 9.00pg	Pendaftaran Peserta	
9.00pg - 9.45pg	Slot 1 • *Asia Pacific Conference on Library and Information Education Practice : Issues, Challenges and Opportunities*	Puan Margaret Simeng
9.45pg - 10.30pg	Slot 2 • *Introduction to RDA for Libraries*	En Aziz Tuah
10.30pg - 11.00pg	Minum Pagi	
11.00pg - 11.45pg	Slot 3 • Bengkel Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 Institut Pengajian Tinggi	Puan Siti Raffidah Tekat
11.45pg - 12.30tgh	Slot 4 • Bengkel Petunjuk Prestasi Untuk Perpustakaan di Malaysia	En Macfarlaine G.J Dibuad & En Mohd Khairol Hafiz Sanawi
12.30tgh - 1.00ptg	Sesi Soal jawab	

SIRI II : SESI PERKONGSIAN ILMU PKMA
9 DISEMBER 2011 • BILIK MESYUARAT PKMA

MASA	TAJUK	DISAMPAIKAN OLEH
8.45pg - 9.00pg	Pendaftaran Peserta	
9.00pg - 9.45pg	Slot 1 • Kenalpasti Pelanggan Kita : Amalan Pengurusan Khidmat Pelanggan Yang Berkesan	En Abu Bakar bin Ibrahim
9.45pg - 10.30pg	Slot 2 • Ceramah Motivasi : Bagaimana Menjadi Pekerja Yang Cemerlang dan Berinovasi	Tn Hj Mohd Shuib bin Hj Maknun
10.30pg - 11.00pg	Minum Pagi	
11.00pg - 11.45pg	Slot 3 • Memperkasakan Warga Organisasi Menjamin Kecemerlangan	Puan Margaret Simeng

SIRI III : SESI PERKONGSIAN ILMU PKMA
22 DISEMBER 2011 • BILIK PERBINCANGAN LEVEL 2

MASA	TAJUK	DISAMPAIKAN OLEH:
8.15pg - 8.30pg	Pendaftaran Peserta	
8.45pg - 9.00pg	Slot 1 : KPI	Puan Korina Ibrahim
9.00pg - 9.45pg	Slot 2 : Kecemerlangan Diri Menyokong Visi & Misi UNIMAS	Tn Hj Valentino Abu Bakar
9.45pg - 10.30pg	Minum Pagi	
10.30pg - 11.00pg	Slot 3 : Bengkel Laporan Penggunaan Pangkalan Data Komersil 2010-2011 (MOLEC)	Puan Hejilda Hendrick
11.00pg - 11.45pg	Slot 4 : Pengurusan Koleksi Khas dan Arkib	Puan Siti Raffidah Tekat

Oleh • Siti Rafidah Tekat

ARKIB UNIMAS
SEBAGAI RUJUKAN SEJARAH

Sepanjang bulan Julai sehingga Disember 2011 sebanyak 106 bahan telah diterima untuk diproses dan disimpan dalam Arkib UNIMAS. Antara bahan yang telah diterima ialah seperti buku program, *MoU* fakulti, seminar, prosiding, buletin, laporan tahunan, gambar dan sebagainya. Arkib UNIMAS juga telah menerima koleksi gambar aktiviti UNIMAS sepanjang tahun 2009 sehingga 2011 melalui *server UKK*. Gambar-gambar ini telah di*burn* dalam bentuk *DVD-R* oleh staf Unit Pengurusan Koleksi Khas dan Arkib dan kemudiannya akan terus diproses dan disimpan dalam simpanan Arkib UNIMAS. Gambar-gambar peristiwa penting dan berharga ini termasuklah Perjumpaan Alumni *I Love Unimas*, Majlis Aluan Pelajar 2010, Cipta 2010 Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir, Majlis Pelancaran Pasar Tani Unimas, Malam Rumpun Budaya, 1Malaysia@UNIMAS dan sebagainya. Antara F/I/B/P yang telah menghantar bahan untuk simpanan Arkib sepanjang bulan Julai-Disember 2011 adalah seperti ditunjukkan di bawah

BULAN	F/I/B/P	BIL BAHAN
Julai	-	-
Ogos	1. Bahagian Penerbitan UNIMAS	2
	2. PKMA	3
September	1. Bahagian Penerbitan UNIMAS	2
	2. FSGK	2
Oktober	1. PKMA	1
November	1. PKMA	19
	2. Canselori	1
	3. Unit Perhubungan Alumni dan Komunikasi	1
	4. Bahagian Penerbitan UNIMAS	1
	5. UKK	2
Disember	1. UKK	71

Mesyuarat Jawatankuasa Arkib UNIMAS Bil.1/2012 (keempat) dijangka akan diadakan pada bulan Jun 2012 nanti. Diharapkan banyak lagi sumbangan bahan sejarah universiti yang bernilai dapat diserahkan untuk diproses, disimpan dan dipelihara dalam Arkib UNIMAS .

Arkib UNIMAS telah diwujudkan pada tahun 2007 untuk memelihara semua penerbitan yang dihasilkan oleh Fakulti/ Bahagian/Institut/Pusat di UNIMAS yang menyumbangkan kepada sejarah dan pencapaian UNIMAS. Melihat kepada penubuhan UNIMAS yang telah berusia 13 tahun pada waktu itu, adalah wajar untuk mengumpul, menempat dan menyelaraskan pengelolaan semua dokumen penting UNIMAS dan bernilai di bawah satu tempat yang lebih terjamin keselamatannya. Dengan adanya sistem penyimpanan yang sistematik termasuk pemeliharaan dan pemuliharaan rekod akan dapat memastikan bahan tersebut terus disimpan baik.

Ahli Jawatankuasa Arkib UNIMAS dipengerusikan oleh Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr. Khairuddin Ab. Hamid dan dianggotai seramai 16 orang ahli yang mewakili setiap F/B/I/P yang terlibat. Ahli Jawatankuasa Arkib berperanan mengenalpasti, mengumpul dan menyerahkan bahan-bahan yang boleh disimpan dalam Arkib UNIMAS bagi menjamin pemeliharaan dan pemuliharaan bahan tersebut.

Objektif penubuhan Arkib UNIMAS ialah

- Menempatkan semua rekod dan dokumen (konvensional & elektronik) UNIMAS yang mempunyai nilai seperti Statut Universiti, rekod (fail) Penubuhan Universiti, *MoU* Universiti, dokumen-dokumen, penerbitan, fotograf universiti dan lain-lain.
- Memastikan rekod dan dokumen diletakkan di tempat yang selamat serta memudahkan capaian maklumat dan rujukan apabila diperlukan.
- Memastikan rekod dan dokumen terus dibuat pemeliharaan dan pemuliharaan seperti yang diarahkan oleh Arkib Negara Malaysia.

Koleksi Arkib UNIMAS merangkumi;

- Terbitan rasmi UNIMAS: Bahan-bahan terbitan F/I/B/P seperti Laporan Tahunan, Prospektus, Buku Panduan dan sebagainya.
- Akhbar atau suratberita: Akhbar dan suratberita yang diterbitkan oleh F/I/B/P, persatuan kakitangan dan pelajar. (Madah Samarahan, Randau dll.
- Jurnal /Majalah: Jurnal-jurnal dan Majalah yang diterbitkan oleh penerbit UNIMAS dan F/I/B/P.
- Karya Ahli Akademik: Karya penulisan dan Penerbitan Ahli Akademik dan pegawai professional termasuk Laporan Penyelidikan, artikel, kertas kerja, seminar bahan media dan elektronik.
- Buku Cenderamata: Buku atucara atau buku cenderamata bagi majlis-majlis, aktiviti dan upacara UNIMAS.
- Bahan Media dan Elektronik: Gambar, artifak, carta, poster, audio, video, *CD-ROM* dan bahan elektronik yang lain.
- Keratan Akhbar: Koleksi keratan akhbar tempatan berkaitan dengan sejarah dan aktiviti UNIMAS.
- Bahan Memori Institusi: Koleksi wawancara atau himpunan penulisan mengenai sejarah UNIMAS dan koleksi poster pameran.

Perkhidmatan Rujukan

- Koleksi arkib merupakan koleksi akses tertutup dan bahan disimpan di bilik khas. Pelanggan/ pengguna dibenarkan merujuk Arkib UNIMAS sekiranya bahan berkenaan tidak terdapat di Koleksi Am dan Koleksi Khas.
- Bagi memudahkan pelanggan/ pengguna menggunakan bahan di Arkib UNIMAS, pelanggan / pengguna perlu menyemak *WebOPAC* untuk mendapatkan nombor panggilan bahan dan kakitangan akan membantu pelanggan mendapatkan bahan.
- Bahan hanya boleh dirujuk di ruang yang disediakan sahaja.

WAKTU PERKHIDMATAN

Isnin ~ Khamis
8.30 pagi ~ 12:45 tengah hari
2:30 petang ~ 4:30 petang

Jumaat
8.30 pagi ~ 11.45 pagi
2.45 petang ~ 4.30 petang

Sabtu /Ahad/ Cuti Umum
Tutup

Oleh • Norazlina Abdul Rahman

INTEGRATED LEARNING FACILITIES (ILF)

Sejajar dengan misi dan visi Pusat Khidmat Maklumat Akademik sebagai *One-Stop Information Centre*, sebuah lagi Bilik Sumber telah diwujudkan di *Integrated Learning Facilities (ILF)* Sibu pada tahun 2008 dan dikendalikan oleh 2 kakitangan yang sentiasa ada untuk menghulurkan perkhidmatan yang terbaik. Di pusat sumber/ perpustakaan cawangan *ILF* perkhidmatan yang disediakan adalah seperti bilik komputer, ruang media dan ruang bacaan. Menempatkan sebanyak lebih kurang 1000 naskah bahan untuk kegunaan pelajar dan kakitangan di *ILF* Sibu. Koleksi bahan yang terdapat di pusat sumber Sibu terbahagi kepada 4 subjek iaitu *Surgery*, *O&G*, Pediatrik dan *Medicine* turut disediakan fiksyen dan kamus.

Waktu operasi Bilik Sumber adalah seperti berikut: Isnin - Jumaat 1.00 petang - 6.00 petang disambung 7.00 petang hingga 10.00 malam, bagi Sabtu dan Ahad dari 9.00 pagi - 2.00 petang manakala untuk cuti umum adalah tutup.

Bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik disediakan untuk kegunaan pelajar dan kakitangan PKMA sentiasa mengenalpasti dan menyediakan kelengkapan dan kemudahan yang terkini selari dengan peredaran semasa.

ACCESS Medicine™

15

McGraw-Hill's AccessMedicine.com adalah sumber atas talian yang menyediakan para pelajar, doktor, pakar perubatan dan penyelidik kepada jawapan bagi soalan-soalan klinikal dan perubatan dengan cepat dan berkesan daripada sumber-sumber yang amat dipercayai. Pangkalan data *AccessMedicine* menyediakan ilmu dan perkembangan perubatan yang terkini daripada para doktor dan pakar perubatan yang diiktiraf. Ia juga menyediakan maklumat dan sumber digital daripada peralatan PDA, iPod dan MP3. Sumber-sumber yang disediakan oleh pangkalan data *AccessMedicine* adalah dikemaskini setiap hari oleh pakar-pakar perubatan yang diiktiraf dunia.

Dengan itu, ia dapat menyediakan akses secara terus kepada maklumat penilaian, diagnosis, keputusan kes perubatan, maklumat penyelidikan, pendidikan perubatan, *'self-assessment'* dan *'board review'*.

AccessMedicine juga menyediakan pelbagai koleksi *e-books* melebihi 30 tajuk yang dikategorikan kepada *Clinical Library* dan *Lange Educational Library*. *Case Files for Student*, imej perubatan, panduan, ujian diagnostik dan video dan berita kesihatan juga dapat diperolehi dalam pangkalan data ini. Untuk mengakses pangkalan data ini sila ke Laman Web PKMA *(http://cais-mill.unimas.my)* dan sila klik pada ikon *Online Databases*, seterusnya klik pada *AccessMedicine*.

Oleh • Wan Abdul Rahman

16

Pusat Khidmat Maklumat Akademik

Perbincangan Kumpulan Fokus 2011: Maklumbalas PKMA Terhadap Pengguna

PKMA mengadakan perbincangan untuk tiga kategori kumpulan sasaran iaitu Pelajar Pra Siswazah, Majlis Perwakilan Pelajar dan Perwakilan Kolej Kediaman pada November 2011. Tujuan perbincangan ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas-maklumbalas yang berguna mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan bagi menyumbang meningkatkan sistem penyampaian Pusat. Secara keseluruhannya PKMA menerima banyak maklumbalas yang positif, walau bagaimanapun terdapat cadangan-cadangan untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan.

Maklumbalas Pengguna

Pra Siswazah, MPP, JPK

PENGGUNA • Masalah kekurangan kerusi dan meja di PKMA

PKMA • Pusat dalam proses pembelian untuk mendapatkan perabot baru untuk memenuhi keperluan pengguna.

PENGGUNA • Masalah jenis meja di Bilik Karel yang tidak sesuai dengan penempatan soket seperti yang sedia ada

PKMA • Pusat dalam proses mengenalpasti jenis meja yang sesuai untuk ditempatkan di Bilik Karel supaya memenuhi keperluan ruang tersebut.

PENGGUNA • Pengguna memohon untuk memperbaiki masalah kabel/soket untuk kegunaan internet.

PKMA • Pusat menghadapi masalah vandalisme setelah menjalankan Audit ICT, walaubagaimanapun Pusat telah menyediakan perkhidmatan *Wifi* untuk seluruh bangunan PKMA bagi memudahkan pengguna. Selain daripada itu proses penyelenggaraan dan membaiki kerosakan tersebut memerlukan kos yang tinggi.

PENGGUNA • Kerosakan soket untuk perkhidmatan Internet di lantai di Tingkat 1 menjadi punca kerosakan/kejutan elektrik untuk penggunaan computer riba.

PKMA • Pusat memohon supaya pengguna melaporkan kejadian/ kes tersebut untuk dikenalpasti kerosakan untuk mengelakkan masalah berulang.

PENGGUNA • Masalah keadaan lampu yang malap di Tingkat 3.

PKMA • Pusat telah memohon pihak BPA untuk membekalkan lampu-lampu yang baru dan sesuai di PKMA. Pusat juga telah mengambil tindakan untuk menyusun semula lampu-lampu mengikut kesesuaian.

PENGGUNA • Masalah keadaan buku-buku yang berselerak.

PKMA • Pusat telah membuat pemantauan dan penambahan tugasan untuk memastikan keadaan sususan buku lebih kemas dari masa ke semasa. Selain itu PKMA juga telah mendapatkan bantuan daripada sukarelawan yang terdiri daripada para pelajar untuk membantu mengatasi masalah tersebut.

PENGGUNA • Cadangan penguatkuasaan mempamerkan kad metrik

PKMA • Pusat menerima cadangan tersebut dengan membuat penguatkuasaan yang lebih efektif termasuk menyediakan notis makluman tersebut.

PENGGUNA • Cadangan pelajar untuk menubuhkan Kelab Pelajar

PKMA • Pusat memohon MPP untuk menyediakan kertas kerja untuk merancang aktiviti yang berkaitan.

PENGGUNA • Koleksi buku yang tidak terkini di FPSK

PKMA • Pusat telah menyediakan rak-rak yang menempatkan koleksi yang terkini untuk memudahkan rujukan.

PENGGUNA • Keperluan tandas di Bilik 24 jam

PKMA • Pusat akan memaklumkan perkara ini ke peringkat atas. Pengguna juga dicadangkan menggunakan bilik air di laluan FSGK ke tempat parkir di belakang bangunan PKMA.

PENGGUNA • Cadangan menyediakan lebih banyak buku fiksyen

PKMA • Pusat dalam proses penambahan pembelian, selain itu buku-buku tersebut akan dipamerkan untuk menarik minat pengguna/ penggemar tersebut.

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG UNIMAS 2010

Tahniah dan syabas kepada warga PKMA yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010 di Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS 2011 (MAGU 2011) pada 22 Julai 2011 di Riverside Hotel, Kuching.

Tn. Hj. Valentino Abu Bakar
Senior Librarian
Tel: 082-583 885
abvalentino@cais.unimas.my

Zainun Mat Nor
Senior Librarian
Tel: 082-583 839
mnzainun@cais.unimas.my

Sang Angie
Senior Library Assistant

Aladdin bin Haji Amin
Senior Library Assistant
Tel: 082-583 916
aladdin@cais.unimas.my

Jutin ak Collis
Senior Gen. Office Asst.
Tel: 082-583 884
jutin@cais.unimas.my

Japar bin Kalok
Senior Library Assistant
Tel: 082-583 922
kjafar@cais.unimas.my

Tarry Lester ak Nagel Jidel
Technician
Tel: 082-583 929
njtlester@cais.unimas.my

Oleh • Haji Valentino @Muhammad

AKTIVITI SUKARELAWAN PELAJAR UNIMAS DI PKMA

Konsep berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, inilah yang cuba dikongsi oleh pelajar UNIMAS dalam membantu PKMA untuk sama-sama menghargai sumber ilmu serta menyemai perasaan sayang kepada buku yang telah memberi ilmu pengetahuan dan menyokong aktiviti pembelajaran mereka.

Lantaran itu pelajar-pelajar UNIMAS telah mengambil inisiatif untuk sama-sama menyinsing lengan membantu PKMA menyusun buku-buku di rak bacaan sebagai salah satu aktiviti sukarela. PKMA amat berbangga dan begitu menghargai program ini kerana ia dapat menyemarakkan hubungan dua hala dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar dan staf PKMA.

Di akhir program Ketua Pustakawan melahirkan ucapan jutaan terima kasih kepada kumpulan pelajar UNIMAS yang telah terlibat dalam program sukarelawan ini dan berharap program ini sebagai satu permulaan dan berterusan. Ketua Pustakawan juga menyokong usaha murni mereka untuk menubuhkan *"Friends Of The Library"* untuk terus sama menyumbang dan menyokong aktiviti dan program PKMA

"Bangsa Membaca Bangsa Berjaya

Ultimate Kitchen

CHEMISTRY

PUSAT KA AKADEMIK
Centre for Academic Information Services
Sumbangan Kalian
Kami Hargai...
19

20

SEKITAR PAMERAN PKMA SEMPENA

KONVOKESYEN 2011 UNIMAS

"Tahniah Kepada Semua Graduan Unimas"

SANTAI ILMU

TAYANGAN FILEM/ DOKUMENTARI

Julai-Disember 2011

Julai - September 2011

Masa Tayangan • 2.15 pm - 4 pm
Tempat • Unit Pengurusan Koleksi Media dan Tesis

Damping Malam

Emak Ingin Naik Haji

Perempuan Berkalung Sorban

King Arthur

Troy

The Boxer

Oktober - Disember 2011

Masa Tayangan • Waktu Pejabat
Tempat • Unit Pengurusan Koleksi Media dan Tesis
Tarikh Tayangan • Sepanjang bulan April & Jun 2011

Aku No. 1

Kung Fu Hustle

Laila Isabella

Jangan Pandang Belakang Congkak 2

Van Helsing

Kapoww!!!

Senario Asam Garam

Mistik

Jom Bersama Kami...

AKTIVITI-AKTIVITI

(BENGKEL/KURSUS/LATIHAN/CERAMAH/KHIDMAT MASYARAKAT) • Julai Hingga Disember 2011

BIL	NAMA AKTIVITI/ PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	MASA/ TEMPOH	ANJURAN OLEH
1	Bengkel Pengemaskinian dan Pindaan Dokumen PKP PKMA	01/07/11	Bilik Mesyuarat PKMA	8.00pg - 9.00pg	PKMA
2	Perhimpunan Pagi PKMA	04/07/11	Auditorium PKMA	2 Hari	PKMA
3	Perkongsian Ilmu: Lawatan ke UKM	04/08/11	Bilik Mesyuarat PKMA	8.00pg- 9.00pg	PKMA
4	Perkongsian Ilmu: Peranan Audit Dalam Memantapkan Tadbir Urus di Organisasi	10/08/11	Bilik Mesyuarat PKMA	2 Hari	PKMA
5	Perhimpunan Pagi PKMA	16/08/11	Auditorium PKMA	9.00 pagi -12.00 tengahari	
6	Perkongsian Ilmu Oleh Pustakawan Yang Telah Menghadiri Latihan/ Kursus Luar	23/08/11	Bilik Mesyuarat PKMA	9.00 pagi	PKMA
7	Majlis Tamah Tamah Aidilfitri/Merdeka UNIMAS 2011	15/09/11	Dataran Canselori	2.00ptg - 5.00ptg	PKMA
8	*Training-Main Campus-Ends Users and System Administrator RFID System (WaveTech)*	19/09/11 (2.30pm-4.30pm)	Bilik Mesyuarat PKMA	1 Hari	PKMA
9	Ramah Tamah Aidilfitri PKMA	26/09/11	Bilik Rehat Staf	1 Hari	PKMA
10	*Millennium Upgrade Training*	27-30/09/11	Makmal Komputer PKMA Level 1	1 Hari	PKMA
11	Perhimpunan Pagi PKMA	14/10/11	Auditorium PKMA	9.00 pagi	PKMA
12	Jualan Semasa Pesta Konvo	19-23/10/11	Tempat Letak Kereta FSKTM	2 bulan	
13	Program Sehari Bersama PKMA	10/11/11	PKMA	9.00 pagi	PKMA
14	Seminar Kepustakawanan 2011	14-15/11/11	Auditorium PKMA	2 Jam	PKMA
15	Program Sehari Bersama PKMA	19/11/11	PKMA	2 Hari	
16	*Inroductory On Cataloguing Training 2011*	22-23/11/11	Bilik Mesyuarat PKMA	10.00pg- 12.00 tgh	Kelab PKMA
17	Siri II Sesi Perkongsian Ilmu PKMA 2011		Bilik Mesyuarat PKMA	35	
18	Majlis Sambutan Hari Lahir Staf 2011		Bilik Rehat Staf	Warga PKMA	
19	Program Gotong Royong PKMA Siri 2 2011		PKMA	Warga PKMA	
20	Perkongsian Ilmu Siri III 2011		Bilik Perbincangan Level 2	10	

PROGRAM /AKTIVITI

YANG DIRANCANG SEPANJANG JANUARI HINGGA JUN 2012

BIL	PROGRAM AKTIVITI	BULAN
1	Bengkel Hala Tuju PKMA	Januari
2	Bengkel Semakan Piagam Pelanggan PKMA	Januari
3	Makan Malam PKMA	Januari
4	Kursus Pengendalian Pertanyaan Rujukan	Februari
5	Kursus Asas Organisasi Sumber Ilmu	April
6	Program Sambutan Hari Lahir Staf dan Kelahiran Anak Pertama Staf	April
7	Kursus/Latihan Sistem Millennium	Mei
8	Kursus *Resource Description and Access RDA*	Jun
9	Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan	Jun

LAWATAN

SEKOLAH/JABATAN/ORGANISASI LUAR KE PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK (PKMA) • Julai Hingga Disember 2011

BULAN	TARIKH	PELAWAT	JUMLAH PESERTA
Julai		Julai	3
Ogos		Ogos	
September	26/09	Ogos	35
Oktober	12/10	SK Plaie DC	22
	14/10	SMK Sebuyau	90
	26/10	SMK Semerah Padi	44
	26/10	SMK Agama SHOAW Matang	131
	28/10	SK Nanga Kumpang, Sri Aman	49
	28/10	SMK Pakan Sarikei	90
November	01/11	SK Pendam Samarahan	50
	02/11	SMK Kabong	48
	08/11	SMK Lake, Bau	168
	11/11	SK Nanga Babai, Julau	45
	15/11	SMK Kai Chung, Bintangor Sarikei	70
	22/11	SMK Methodist	70
Disember	15/12/12	Bahagian Perpustakaan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti	7
		Politeknik Sultan Azlan Shah	12

Oleh: Zaiden Sanyut

PKMA JUARA LAGI

Sukan boling sentiasa menyaksikan pencapaian cemerlang PKMA dalam kejohanan anjuran universiti. Pusat Boling UNIMAS sekali lagi menjadi saksi kehebatan Pasukan PKMA apabila merangkul Johan Keseluruhan sempena Kejohanan Boling Piala Naib Canselor 2011. Kejohanan tahun ini menjanjikan cabaran sengit semua pasukan yang bertanding serta format baru dengan pemain perlu bermain dalam acara bergu dan empat sepasukan. PKMA menghantar satu pasukan yang terdiri daripada 4 pemain lelaki dan 4 pemain wanita. Pasukan Lelaki diwakili oleh Encik Zaiden, Encik Zakaria, Encik Isa Kumar dan Encik Faizal. Puan Margaret, Puan Surina, Cik Racha dan Puan Mardiah mewakili Pasukan Wanita.

Penguasaan PKMA telah terserlah pada hari pertama kejohanan apabila Bergu Wanita menggunguli tempat pertama dan ketiga. Gandingan mantap Puan Margaret dan Puan Surina berjaya mengenepikan cabaran pasukan lain apabila muncul johan dengan 1674 jatuhan pin. Cik Racha dan Puan Mardiah mendapat tempat ketiga dengan 1597 jatuhan pin. Untuk pasukan lelaki, gandingan Encik Zaiden dan Encik Zakaria telah mendapat tempat keempat dengan 1877 jatuhan pin iaitu ketinggalan 17 pin daripada pasukan FSGK yang mendapat tempat ketiga. Gabungan Encik Isa dan Encik Faizal menduduki tempat kesepuluh dengan 1656 jatuhan pin.

Untuk acara Berpasukan Lelaki dan Wanita, Pasukan PKMA masing-masing telah mendapat Naib Johan. Dengan 1794 jatuhan pin, pasukan lelaki tewas ditangan pasukan Unit Sukan dengan 119 jatuhan pin. Pasukan wanita berjaya membuat jatuhan pin sebanyak 1403 tewas tipis kepada pasukan Pejabat Bendahari dengan hanya 6 jatuhan pin.

Akhirnya, PKMA sekali lagi dinobatkan Juara Keseluruhan dengan 6804 jumlah jatuhan pin, jauh meninggalkan pasukan Pejabat Bendahari di tempat kedua dengan 748 jatuhan pin dan pasukan FPSK di tempat ketiga. Ini merupakan kali kedua PKMA menjuarai kejohanan ini selepas tahun 2009. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Prof. Dr Hamsawi Sani, Pengerusi Kelab Boling UNIMAS mewakili pihak Pengurusan UNIMAS.



Erti Sebuah HIJRAH

Hijrah berganti Hijrah
Yang berubah hanya angka
Bagaimana gigih seorang
Pesuruh Allah 1400 tahun yang lampau
Digelar Al Amin
Nabi junjungan Muhammad SAW
Membawa ajaran Islam
Ad Din menerangi seluruh pelusuk alam
Menegakkan ajaran Allah
Untuk dihayati dan di amal
Dalam seluruh ruang kehidupan
Berbekalkan Al Quran dan Sunnah....

Kini 1433 menjelma sudah
Dunia terus berubah
Teknologi terus gagah
Tapi akal dan tingkah manusia semakin parah
Maksiat makin bertambah
Serakah dan nafsu terus tak terarah
Iman dan takwa dianggap mudah
Akhirnya maruah diri letak dipaling bawah
Di mana silap dan salah.....?

Marilah kita semua beriman
Kepada semua keturunan Adam
Kepada semua umat Muhammad.
Jangan di suluh kembali hijrah yang telah pergi
Suluhlah hijrah di depan nanti
Mungkin ini yang terakhir untuk diri
Agar terus dibekal iman sebagai ganti
Di akhirat kekal abadi.

Nukilan • Haji Valentino @ Muhammad.
Sempena Maal Hijrah 1433

KENALI STAF PKMA

TEMUBUAL BERSAMA •
Puan Habibah Bt. Matadi
(Pembantu Perpustakaan Kanan PKMA)

Editor • Assalamualaikum Kak Beb....
Kak Beb • *Wa'alakumsalam...*

Editor • Terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk sembang kali ini & diharapkan sihat sentiasa di samping keluarga yang tercinta.
Kak Beb • *Sama-sama... Alhamdulillah...*

Editor • Tahun 2012 adalah tahun yang ke berapa puan berkhidmat di PKMA?
Kak Beb • *Emm... Alhamdulillah, baru 15 tahun 2 bulan*

Editor • Boleh tak ceritakan pengalaman manis ke atau pahit ke sepanjang menaburkan bakti di PKMA ini?
Kak Beb • *Pengalaman pahit... ermmm... pengalaman pahit, seingat saya memang tidak ada... Emmm... (senyum) kalau dikatakan pengalaman manis tidak juga tapi saya rasa pengalaman paling seronok ialah, masa staf diberi kemudahan menggunakan bas UNIMAS untuk pergi kerja. Semua kita akan berkumpul di stesen bas Saujana, jika datang awal, semua awal dan sebaliknya. Ada yang sampai lambat di tempat menunggu terpaksa mengejar bas, ada pula yang belum separuh jalan dah meleleh dan berdengkur. Perjalanan pada masa itu melalui jalan Jalan Kota Sentosa. Pelbagai masalah/ cerita kita temui sepanjang perjalanan. Memang menyeronokkan. Alhamdulillah, saya berasa bersyukur kerana sempat menikmati kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti pada masa itu.*

Saya juga rasa bersyukur berkhidmat di PKMA khasnya dan UNIMAS amnya, sepanjang perkhidmatan, saya telah tiga kali mendapat APC. Pada tahun 2003 saya telah mendapat kenaikan pangkat ke S22 dan seterusnya pada tahun 2010 saya telah dinaikkan keg red S26. Terima kasih juga diucapkan kepada Puan KP, Puan Margaret Simeng kerana memberi sokongan.

Saya banyak belajar daripada Puan Korina Ibrahim, kebetualan saya dibawah selian beliau iaitu di Unit Pengurusan Serial semasa saya mula bertugas sebagai Pembantu Perpustakaan, S17 pada 2 Disember 1996. Saya masih ingat lagi pada tahun 1998 penyemakan penyata pembayaran serial, kami di Unit Pengurusan Serial balit akhir dan kami pergi sendiri ke Pejabat Bendahari untuk menyemak rekod pembayaran bagi penyelesaian masalah penyata pembayaran. Semua ya dilakukan dengan sabar dan keseronokan walaupun penat tapi puas hati dapat menyelesaikan masalah. Yes..... Alhamdulillah... satu kepuasan.

Editor • Apakah perancangan puan untuk membangunkan kerjaya puan?
Kak Beb • *Ya Allah, teringin juga rasa hati nak belajar lagi tapi kemampuan masa dan kesihatan tidak mengizinkan. Ya lah walaupun tidak dapat nak belajar lagi tapi saya berhasrat untuk mendalami / memperluaskan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang perpustakaan dan tidak hanya tahu dalam satu bidang perkara sahaja. Latihan-latihan seperti yang telah dilakukan oleh Puan Korina Ibrahim boleh membantu selain daripada penempatan semula staf.*

Editor • Siapakah orang yang paling berpengaruh dalam diri puan?
Kak Beb • *Ya... orang yang paling berpengaruh dalam diri kamek adalah suami, anak dan ibubapa kamek sebab apa juak yang kamek lakukan kamek ingat muka sidaknya.*

Editor • Apakah kerjaya impian puan idamkan selama ini?
Kak Beb • *Ya lah masa sekolah dahulu, ingin nak jadi seorang guru tapi tidak tercapai, mungkin bukan rezeki untuk mendidik anak bangsa...hahaha... cukuplah menjadi guru kepada anak sendiri. Selepas tamat persekolahan dengan berbekalkan sijil MCE apa jua yang boleh dilakukan. Macam-macam kerja dibuat hinggalah suatu hari tergerak hati untuk mengikut sepupu berhijrah ke Bintulu, dengan bantuan beliau saya hantar resume ke UPM Kampus Bintulu. Alhamdulillah, rezeki, dapat Pembantu Perpustakaan (Sambilan) selama 3 tahun. Mula-mula ingat apa tugas Pembantu Perpustakaan, risau juga tapi bila dah lakukan rasa seronok. Selepas itu saya tidak terfikir lagi untuk bertukar ke bidang lain. Lagipun bila mengenangkan perkhidmatan tinggal berapa tahun saja... apa yang saya idamkan adalah untuk menjadi seorang Pembantu Perpustakaan yang berpengetahuan luas dan mempunyai kemahiran mengikut peredaran semasa.*

Editor • Selama berkhidmat di perpustakaan yang banyak menyediakan buku-buku, adakah ianya mempengaruhi minat membaca puan?.... ermm apakah buku yang menjadi pilihan puan?
Kak Beb • *Aduh... membaca... kurang sikit, kelemahan kamek, bukan sik minat tapi sik dapat mek nak fokus membaca mun mek bingung gik ada kerja. Kamek cuma sempat baca suratkhabar, majalah-majalah, buku resipi dan bacaan ringan yang lain. Buku berkaitan dengan wanita dan kekeluargaan yang kamek suka.*

Editor • Terima kasih lah puan kerana sudi berkongsi pengalaman & pandangan puan untuk temubual kali ini kerana pemilihan puan sebagai responden kami adalah di sebabkan oleh pandangan & makluman staf lain yang sangat menghormati & mengkagumi puan.
Kak Beb • *(Malu).... Ya Allah, Alhamdulillah, terima kasih, sebenarnya bukanlah insan yang sempurna dan masih lagi dalam proses pembelajaran, banyak lagi perkara yang patut diterokai untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan. Terima kasih sekali lagi di atas sokongan dan penghormatan yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat terutama sekali rakan-rakan sekerja yang sentiasa membantu dan memberi sokongan atas apa jua yang dilakukan.*

Oleh • Wan Abdul Rahman